



Di dalam kenyataannya kepada ajaran Tengku Abdul Rahman sesudah berjumpa dengan Chin Peng menyatakan bahawa Chin Peng tidak ikhlas! Kenyataan ini adalah mengingatkan semula kepada kata-kata Tengku sebelum berjumpa menunjukkan bahawa beliau percaya kepadanya. Apakah erti dan maknanya demikian ini? Cubaan pembaca-pembaca sendiri boleh menentukannya.

\*\*\*

Ranting UMNO Woodlands di Singapura ada katakan telah mengeluarkan bantahan kepada kementerian pelajaran tentang ura-ura hendak mengadakan pelajaran agama di sekolah-sekolah Melayu. Katanya pelajaran itu adalah menghilangkan masa kanak-kanak sahaja. Masya-Allah Bung! Kalau dibilang golongan orang-orang itu tidak sukakan agama mereka marah tetapi apa mau kita katakan kepada bantahan seperti kita?

\*\*\*

Ya, memangnya orang sekarang memandang mudah kepada agama dan mereka memandang pelajaran agama itu menghilangkan masa sahaja. Harus betul pandangan mereka kerana masa itu berharga. Harus pula nanti mereka memandang bahawa sembahyang pun menghilangkan masa. Kalau sudah begitu keadaannya . . . . . masing-masing kita baru tahu keadaannya bahawa pengaruh orang-orang lain telah mulai menyerap

ke dalam darah mereka dengan memberi pandangan memberi pelajaran agama dengan secara rasmi begitu maknanya . . . . .  
membuang masa.

\*\*\*

Setiausaha Majlis Islam Penasihat Kerajaan telah membantah kenyataan yang mengatakan sebahagian orang-orang ahli Majlis Islam penasihat kerajaan itu ada yang buta kayu dalam agama. Ini kata mereka mengenai peribadi ahli-ahli itu. Kalau ini disifatkannya mengenai peribadi – Apa lagi yang mau dikatakan. Duduk sahaja di majlis itu dengan percuma dan kalau ada jemputan-jemputan rasmi dapat panggilan memadamailah! Tidak payah ada tanggungjawab lagi kepada orang ramai yang difikirkan – habis perkara! Begitukah tuan setiausaha majlis Islam???

\*\*\*

UMNO bahagian Singapura dikatakan buat diam sahaja atas bantahan yang dihadapkan oleh ranting-rantingnya di Geylang membantah pembukaan taman hiburan di sana. Setiausahanya dikatakan pernah berkata bahawa hal itu hendaklah diselenggarakan oleh ranting-ranting masing-masing- bukan kerja kerana memilih calon atau kerja-kerja lain untuk beramai-ramai bahawa tenaga ranting-ranting itu sangat mustahak. Tidakkah yang demikian ini kelak dituduh oleh ranting lepas jambatan tongkah dibuang? Oi Bung! Jangan dilupakan mereka dengan sebab mendengar fikiran segelintir manusia kerana keteguhan dan kekuatan bukannya di tangan mereka – tetapi di tangan rakyat! Kalau (rakyat orang-orang dibawah) tinggalkan baru hebat – Bung! – Cemeti al-Farouk.